

## UiTM juara golf antara universiti awam

Aida Adilah Mat  
aida\_adilah@hmetro.com.my



UiTM juara golf antara universiti awam. FOTO UiTM

Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Mara (UiTM) berjaya memperagakan aksi cemerlang untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan Kejohanan Golf Antara Universiti Awam ke-49 buat kali tiga berturut-turut.

Mereka meraih kejuaraan itu selepas berjaya merangkul tiga emas dan satu perak.

Sementara itu Universiti Utara Malaysia (UUM) menamatkan saingan di tempat kedua dengan dua pingat emas manakala prestasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga tidak mengecewakan menduduki tempat ketiga dengan satu emas.

Menurut Pegawai Sukan Pusat Sukan UiTM, Shahrin Ismail, kejohanan kali ini disertai lebih 300 pemain golf terdiri daripada kakitangan universiti awam.

"Kejohanan ini berlangsung selama dua hari bermula 28 dan 29 Mei 2022 di tiga lokasi kejohanan iaitu di Kelab Golf Diraja Pahang, Kuantan, Kelab Golf Diraja Pekan dan Mahkota Golf and Country Club, Kuantan, Pahang.

"Alhamdulillah kami berjaya mengekalkan kejuaraan buat kali ketiga dan tahniah kepada semua pemain yang berjaya menyumbangkan pingat buat universiti," katanya.

Hadiah kemenangan itu disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar dan Pro-Canselor UMP, Tan Sri (Dr) Abi Musa Asaari Mohamed Nor diiringi Naib Canselor UMP, Prof Datuk Ts Dr Yuserrie Zainuddin.

Disiarkan pada: Mei 30, 2022 @ 6:59pm